

PM akan jawab Dr Mahathir

Penjelasan dibuat secara bertulis atau dalam perjumpaan antara mereka: T P M

Oleh **Magendran Rajagopal**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memberikan jawapan 'panjang lebar dan terperinci' terhadap semua isu yang dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan empat mata mereka, Ahad lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau sudah berbincang dengan Perdana Menteri dan memutuskan kerajaan akan membalas dan menjawab semua persoalan Dr Mahathir terhadap

"Kabinet sudah ambil maklum serta bersetuju dengan pandangan Abdullah untuk memberi penjelasan terperinci"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

kerajaan dan pucuk pimpinan negara.

"Perdana Menteri juga mengadakan mesyuarat tergempar Kabinet sejurus selepas pertemuan empat mata itu bagi memberi taklimat kepada jemaah menteri mengenai isu yang dibangkitkan Dr Mahathir dan Kabinet sudah ambil maklum serta bersetuju dengan pandangan Abdullah untuk memberi penjelasan terperinci.

"Penjelasan ini akan dibuat secara bertulis atau dalam perjumpaan antara mereka. Ini terpulang kepada kehendak Perdana Menteri," katanya

kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan menteri Kabinet di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sini, kelmarin.

Dr Mahathir mengkritik secara terbuka kerajaan pimpinan Abdullah sejak awal tahun ini, kebanyakannya berkisar terhadap rasa tidak puas hati beliau berhubung pembatalan pembinaan jambatan ke Singapura dan pengeluaran permit import (AP).

Ahad lalu, kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan empat mata hampir dua jam di kediaman Perdana

Menteri di Putrajaya.

Bagaimanapun, pada sidang akhbarinya sehari kemudian, Dr Mahathir terus mengkritik Abdullah dan kerajaan.

Najib berkata, beliau terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir kerana pertemuan tertutup itu bertujuan mengakhiri semua perselisihan faham dan beliau serta ahli Umno lain menaruh harapan tinggi pertemuan berkenaan akan membuahkan hasil yang bermanfaat kepada parti serta negara.

Abdullah akan jawab kritikan

DARI MUKA 1

"Perdana Menteri hanya memerlukan sedikit masa untuk menyiapkan jawapan lebih terperinci kerana perjumpaan diadakan dalam bulan puasa dan masa agak terhad untuk memperjelaskan pelbagai isu dibangkitkan Dr Mahathir.

"Bagaimanapun, saya yakin Perdana Menteri dapat memberi jawapan terperinci, yang lebih jelas kepada Dr Mahathir dalam sedikit masa lagi. Kerajaan akan menyiapkan jawapan lengkap kepada semua soalan yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri itu," katanya.

Memandangkan kritikan Dr Mahathir yang keras hanya sehari selepas menemui Perdana Menteri, Najib tidak menolak kemungkinan maklum balas yang bakal diberi kerajaan akan mengundang lebih banyak teguran.

"Saya akan berbincang lanjut mengenai isu itu (kritikan terbaru Dr Mahathir) dengan Abdullah.

"Beliau (Dr Mahathir) mahukan jawapan tetapi mendakwa Umno tidak menghiraukannya, kita sudah lakukan sebaik mungkin bagi menjawab segala isu dibangkitkan, manakala rakyat pula tertanya-tanya sama ada apa yang kerajaan lakukan ini betul," katanya.

LIHAT MUKA 2